



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA / 23 OKTOBER 2018

- 1. MENGGAGAU DALAM SAWAH**
 - **HARIAN METRO**

- 2. SALURBANTUAN KEPADA 24 PESAWAH**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

- 3. YABANG AMBIL MASA SEHARI HASILKAN LIRIK HANG PI MAHA 2018**
 - **KOSMO**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

12 setempat 23-10-2018

"Saya dan ayah datang ke bendang ini untuk menangkap ikan sejak tiga hari lalu dan kami menggunakan serkap. Pelbagai spesies ikan yang diperoleh termasuk haruan dan puyu"
Adam Akmal Azhar

HARIAN METRO

Menggagau dalam sawah

■ Penduduk turun bendang selepas musim menuai kaut pelbagai jenis ikan air tawar

Kata Bharu
Aktiviti 'berkubang' atau selepas musim menuai padi di bendang seolah-olah menjadi satu kegemaran dan dinantikan oleh penangkap ikan. Pekerja kilang batu-bata, Azman Abd Hapil, 35, berkata selepas musim menuai padi setiap dua kali setahun, dia tidak pernah melepaskan peluang bersama penduduk kampung menangkap ikan di bendang berhampiran. Bapa kepada seorang anak ini berkata, ketika musim menuai padi, air di terusan sawah serta parti meniadakan dan pelbagai spesies ikan air tawar seperti keli, haruan, lampam, sebarau, patin serta talapia merah mudah diperoleh. "Kebanyakan orang menggunakan serkap untuk menangkap ikan, tetapi bagi saya menggunakan tangan lebih mudah dan cepat kerana boleh merasa sendiri apabila ikan mula masuk ke dalam genggaman. Hasil yang diperoleh tidak menentu. Bergantung kepada nasib. Kadangkala saya pernah mendapat hingga 12 kilogram (kg) ikan air tawar pelbagai spesies," katanya ketika ditemui di Ladang Merdeka, Mulong di sini. Mohd Aznan berkata, hasil tangkapan yang diperoleh akan dipelihara duhu sebelum dijual kepada penduduk setempat dengan harga RM5 sekilogram. "Sepanjang pengalaman saya menangkap ikan air tawar di bendang, pernah sekali saya terkena bisa ikan keli dan sejak itu sentiasa berhati-hati apabila menangkap ikan menggunakan tangan," katanya. Murai tahun enam Sekolah Kebangsaan (SK) Mulong 1, Adam Akmal Azhar, 12, berkata, setiap kali selepas musim menuai, dia mengikuti ayahnya, Azhar Mamat, 43, ke bendang untuk menangkap ikan. "Saya dan ayah datang ke bendang ini untuk menangkap ikan sejak tiga hari lalu dan kami menggunakan serkap. Pelbagai spesies ikan yang diperoleh termasuk haruan dan puyu. Pada hari pertama, ia ibarat pesta kerana ramai penduduk kampung dan kanak-kanak berkubang dalam bendang untuk mencari ikan menggunakan cara tersendiri mengikut peralatan yang dibawa," katanya. Adam Akmal berkata, selepas selesai menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), dia mengisi masa lapang dengan menangkap ikan yang menjadi hobinya. "Ikan yang saya tangkap bukan untuk dijual, tetapi dibawa balik untuk dimasak oleh ibu dan dimakan bersama keluarga," katanya.

Bagi saya menggunakan tangan lebih mudah dan cepat kerana boleh merasa sendiri apabila ikan mula masuk ke dalam genggaman"
Azman Abd Hapil

Kuala Pilah: Pesta ngail puyu yang diadakan di Ampang Sawah Batu, Terachi di sini, mengumpul 250 pemancing dari seluruh negeri itu. Pengarah program, Mohd Amir Kasim berkata, pesta yang diadakan kelmarin dirancang sejak tiga minggu lalu untuk menarik kedatangan orang luar ke kawasan itu, selain mengeratkan hubungan penduduk di enam kampung di situ. "Kita tidak melepaskan ikan, sebaliknya mengail ikan puyu liar yang terdapat di dalam tali air di kawasan sawah padi. Ini kali pertama pesta ngail puyu diadakan di kampung ini dan kita beresendang mengaitkannya sekali lagi pada masa akan datang untuk menarik lebih ramai penyertaan orang luar," katanya. Pesta ngailan (MNO) di Ampang Sawah Batu, Terachi.

CELAGAT peserta yang mengambil bahagian
Terachi, Padang Lebar, Parit, Kuala Parit dan Kampung Ibol itu dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Menanti, Datuk Abd Samad Ibrahim. Pada mulanya, Abd Samad turut menyampaikan sumbangan makanan kepada 50 atlet dari semua kampung terbabit. Mohd Amir berkata, aktiviti ngail puyu popular bagi penduduk kawasan itu sebelum ini, namun kini semakin jarang kelihatan.

ORANG ramai tidak melepaskan peluang mengail pada pesta ngail puyu di Ampang Sawah Batu, Terachi.
Katanya, pengaitan pesta ini dibarap dapat mempopularkan semula aktiviti ini terutama dalam kalangan generasi muda. Peserta, Siti Aminah Idris, 41, berkata, dia bersama suami dan tiga anak tidak melepaskan peluang menyertai pesta berkenaan. "Ini kali pertama kali saya pegang joran untuk mengail. Walaupun tidak berjaya mendapat ikan, aktiviti ini menyenangkan," katanya.

PENDUDUK menggunakan serkap bagi menangkap ikan

PENDUDUK menunjukkan ikan selepas berkubang di Ladang Merdeka, Mulong

PELBAGAI spesies ikan diperolehi penduduk selepas seharian berkubang

ADAM Akmal menunjukkan ikan yang diperolehi

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 23 OKTOBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

56 **UTARA**

UM 23/10/18



ZAINAL AZMAN ABU SEMAN (dua dari kanan) meninjau keadaan sawah padi yang rosak akibat ditenggelami banjir kilat di Kampung Parit Ali Kalang, Bagan Serai, Perak, baru-baru ini.

Salur bantuan kepada 24 pesawah

BAGAN SERAI 22 Okt. - Kerajaan negeri akan membantu pesawah yang tanaman mereka rosak akibat banjir kilat yang melanda Kampung Parit Ali Kalang di sini, baru-baru ini.

Banjir kilat itu menyebabkan kawasan tanaman padi seluas 60 hektar yang baru ditabur benih ditenggelami air memabatkan 24 pesawah.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Zainal Azman Abu Seman berkata, kerajaan negeri ber-setuju memberikan bantuan tiga beg benih padi baharu untuk setiap 0.4 hektar sawah padi kepada petani terlibat.

Menurutnya, selain itu juga kerajaan negeri akan menanggung kos membajak semula sawah di 42 lot sawah yang terjejas teruk akibat banjir kilat yang melanda baru-baru ini.

"Kawasan di sini sering dilanda banjir kilat setiap kali hujan lebat apabila air dari Empangan Tasik Bukit Merah

dilepaskan, air akan bertakung dan ia lambat surut untuk mengalir ke sungai berhampiran.

"Biasanya ia mengambil masa dua hari atau seminggu untuk surut dan ini tentu sahaja memberi kesulitan kepada penduduk," katanya ketika melawat kawasan sawah yang terjejas akibat banjir di sini, baru-baru ini.

Menurut Zainal Azman, untuk mengatasi masalah tersebut, Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) diminta menyediakan pam penyedut air tambahan untuk mengeluarkan air dari kawasan sawah.

"Kerajaan negeri sentiasa mengambil berat masalah rakyat apatah lagi mereka yang terjejas akibat masalah cuaca," katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Peladang Bagan Serai dan Beriah, Norpazli Samad berkata, akibat ditenggelami banjir, benih padi yang baru ditabur, rosak tidak boleh digunakan.

KERATAN AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 23 OKTOBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

Yabang ambil masa sehari hasilkan lirik *Hang Pi MAHA 2018*

Oleh IKHWAN IDERIS

KUALA LUMPUR - Vokalis kumpulan Khalifah, Mohammad Qidam Abdullah, mengambil masa sehari untuk menghasilkan lirik bagi tema Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) 2018, iaitu *Hang Pi MAHA*.

Mohammad Qidam, 43, yang popular dengan nama Yabang berkata, lirik lagu berkenaan yang diadaptasi daripada lagu popular *Hang Pi Mana* dihasilkan dengan input daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) berkisarkan mengenai acara pameran dua tahun sekali itu.

Menurutnya, lagu berkenaan telah digunakan pada MAHA 2016 lagi namun ia sekali lagi diubah untuk disesuaikan dengan kehendak semasa.

"Sebelum ini, dalam lirik lagu pada MAHA 2016 disertakan sekali nama selebriti dan ikon MAHA seperti Upin Ipin dan Mak Cun, namun kali ini nama mereka tidak lagi disebut.

"Konsep lagu kali ini adalah mengenai MAHA itu sendiri, untuk memberitahu apa itu



YABANG ketika beraksi pada acara promosi Street Attack menjelang 30 Hari MAHA 2018 di Fahrenheit88, Kuala Lumpur baru-baru ini.



YABANG tidak ketinggalan memeriahkan lagi Street Attack di Sogo, Kuala Lumpur baru-baru ini.



MAHA, lokasinya serta tema acara ini.

"Sejujurnya, saya merasakan lirik lagu kali ini sesuai dengan MAHA sampai bila-bila, selagi ia mahu digunakan dan memenuhi cita rasa pendengar," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

MAHA 2018 bakal berlangsung

selama 11 hari bermula 22 November hingga 2 Disember depan, bertempat di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

Bakal dilancarkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada petang 22 November, acara tersebut

disasarkan untuk menarik sekurang-kurangnya 3.5 juta pengunjung dari dalam dan luar negara.

Menurutnya, MAHA 2018 menyediakan banyak ruang dan peluang kepada golongan petani dan anak muda yang berhasrat untuk menambah baik taraf ekonomi mereka dengan penggunaan teknologi baharu yang serba canggih.

Yabang berkata, kunjungan ke MAHA sebelum ini telah berjaya membuka minda serta pemikirannya dalam dunia pertanian moden memandangkan

beliau sendiri berasal daripada keluarga petani dan pernah membela ayam dan itik.

"MAHA 2018 bakal memperkenalkan pelbagai teknologi pertanian kepada semua termasuk golongan yang tinggal di bandar besar.

"Penggunaan teknik seperti *vertical farming* atau tanaman menegak, misalnya, membolehkan mereka yang tinggal di ibu kota membabitkan diri dalam pertanian bagi mendapatkan hasil makanan yang sihat serta menjana pendapatan," ujarnya.